

Publication	Harian Metro	Section/Page No.	
Date	Sabtu, 4 Disember 2021	Lead Article	
Headline	Bantu Pesakit Buah Pinggang – Takaful Malaysia Sumbang Mesin Dialisis Kepada MAHC		

BANTU PESAKIT BUAH PINGGANG

Takaful Malaysia sumbang mesin dialisis kepada MAHC

Kepala Batas

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB) atau lebih dikenali Takaful Malaysia menyumbang mesin dialisis kepada Pusat Hemodialisis Masjid At-Taqwa (MAHC) di Taman Bertam Indah di sini bagi menampung peningkatan jumlah pesakit mendapatkan rawatan di pusat dialisis komuniti berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan STMKB Datuk Seri Hassan Kamil, berkata pihaknya memutuskan untuk menyumbang mesin dialisis itu selepas mengetahui MAHC amat memerlukan lebih banyak mesin berkenaan bagi membantu pesakit buah pinggang.

“Sumbangan ini bertepatan pada masanya memandangkan peningkatan bilangan pesakit yang menjalani rawatan di pusat terbabit.

“Kami begitu memahami bahawa kos perubatan meningkat setiap tahun dan untuk mendapatkan rawatan dialisis memerlukan kos yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan sumbangan mesin itu kepada Timbalan Pengerusi Masjid At Taqwa, Ismail Mohammad dengan disaksikan



ÁHMAD Fuzi (tiga dari kanan) bersama Ahmad Zakiyuddin (tiga dari kiri) menyaksikan Hassan Kamil (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan mesin dialisis Takaful Malaysia bernilai RM40,000 kepada Ismail di Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah.

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang merangkap Pengerusi Masjid At-Taqwa Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul

Rahman dan Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid.

Mengulas lanjut, Hassan Kamil berkata, beliau berharap sumbangan itu turut dapat membantu MAHC

menyediakan rawatan dialisis kepada pesakit buah pinggang terutama untuk mereka yang daripada keluarga berpendapatan rendah tanpa mengira latar belakang dan agama.

“Pada masa sama melalui

sumbangan mesin dialisis ini, kami ingin memudahkan usaha MAHC dalam membantu pesakit buah pinggang kurang bernasib baik untuk mendapatkan rawatan yang mereka perlukan serta membantu ko-

muniti setempat,” katanya.

Pada majlis berkenaan, Takaful Malaysia turut menyumbang RM5,000 kepada pihak masjid berkenaan.

Sementara itu, Ismail berkata, mesin dialisis disumbangkan itu berkualiti tinggi yang menyediakan fungsi lengkap untuk terapi hemodialisis dengan penyediaan cepat, masa pembasmian kuman dikurangkan, salur kartrij bikarbonat yang cepat, memantau tekanan darah secara automatik, pusat penghantaran asid pekat dan banyak lagi.

“Kami amat berterima kasih kepada Takaful Malaysia di atas kemurahan hati dan sokongan mereka dalam menyumbangkan mesin dialisis.

“Sumbangan ini membolehkan lebih ramai pesakit buah pinggang menerima rawatan dialisis percuma di pusat ini. “Kami berharap lebih banyak syarikat korporat tampil dan melakukan perkara yang sama kerana jumlah pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis semakin meningkat,” katanya.